

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR]

TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan usaha yang akan diambil oleh Kementerian untuk apakah menangani peningkatan penggunaan plastik untuk pembungkusan makanan serta barangan semasa *pandemic* COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Peningkatan penggunaan bahan-bahan plastik pakai buang sewaktu pandemik COVID-19 adalah selari dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penghantaran makanan dan barangan melalui platform atas talian, serta keperluan di sektor perubatan seperti peralatan pakai buang dari hospital dan kelengkapan pelindung diri (*personel protective equipment-PPE*).
2. Bagi sisa plastik klinikal, ianya dikelaskan sebagai sisa buangan terjadual yang memerlukan prosedur pengendalian serta pelupusan khas sebagaimana digariskan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [AKTA 127]. Manakala, bagi pengendalian dan pengurusan sisa plastik selebihnya yang dinyatakan di atas adalah seperti mana digariskan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [AKTA 672].

3. Langkah-langkah yang diambil Kementerian ini pada masa ini adalah bersifat pendekatan holistik untuk jangka masa panjang. Kementerian akan terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam isu melibatkan pengurusan sisa plastik secara umum. Kementerian juga akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kementerian lain serta persatuan industri dalam isu melibatkan penggunaan dan pengeluaran plastik oleh pihak industri termasuk peruncit dalam pelbagai usaha serta inisiatif untuk mengurangkan plastik sekali guna.

4. Bagi melestarikan sektor plastik, Kementerian sedang membangunkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Kitaran Plastik sebagai panduan kepada pihak-pihak berkepentingan dalam industri berkaitan plastik dalam mentransformasikan proses perniagaan daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran yang dapat memaksimumkan tempoh penggunaan material plastik. Pembangunan Pelan Hala Tuju ini akan mengambil kira input dan pandangan daripada semua pihak, termasuk dari aspek pembiayaan dari institusi kewangan dan pengurusan sisa

Sekian. Terima kasih.